



BAHAGIAN PENGURUSAN

SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN

PENILAIAN MENENGAH RENDAH 2011

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan:

1. *Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*

Kertas soalan ini mengandungi 16 halaman bercetak.

Soalan 1 - 7

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.

- 1 Para pedagang yang berlabuh di Melaka menggunakan _____ untuk berkomunikasi antara satu sama lain.
- A bahasa Melayu
B Bahasa Melayu
C Bahasa melayu
D bahasa melayu
- 2 Rizalni sangat gemar _____ laksa Johor yang dibuat oleh ibunya.
- A kepada
B akan
C tentang
D terhadap

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah.



- 3 Ibu memasak nasi _____ untuk adik kerana dia belum tumbuh gigi.
- A halus
B empuk
C lembut
D lembik

4 Fikiran Ammar masih _____ sama ada hendak turut serta dalam perkhemahan itu atau tidak.

- A susup-sasap
- B bolak-balik
- C gelap-gelita
- D gembar-gembur

Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah.



5 Sultan _____ pemimpin yang banyak berjasa kepada negara itu bintang kebesaran.

- A menghadiah
- B menghadiahkan
- C menganugerahi
- D manganugerahkan

6 Puan Maizatul tetap cekal menghadapi segala cabaran dalam dunia perniagaan, _____ terpaksa bersaing dengan usahawan lelaki.

- A jika
- B hingga
- C apabila
- D walaupun

Soalan 7 berdasarkan gambar di bawah



7 Anak-anak penyu itu akan dilepaskan ke laut _____ sudah menetas.

- A sehingga
- B apabila
- C jika
- D kalau

Soalan 8 - 14

Ayat-ayat berikut mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D. Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 8 Irshad merasa bersalah kerana selama ini dia menyalahkan Nabil atas kehilangan buku
A B C

rujukannya. Tiada kesalahan.
D

- 9 Kelas tambahan itu akan diadakan hingga murid-murid dapat menguasai kemahiran
A B

menjawab soalan agar memastikan mereka cemerlang dalam peperiksaan.
C

Tiada kesalahan.
D

- 10 Syarikat itu tidak memperakukan laporan akhbar yang melemparkan tuduhan bahawa
A B

mereka memperoleh kontrak jual beli melalui saluran yang tidak sah.
C

Tiada kesalahan.
D

- 11 Beberapa minggu yang lalu, pihak berkuasa merampas berkotak mercun yang dibawa
A B

masuk ke negara ini kerana semuanya tiada permit. Tiada kesalahan.
C D

- 12 Harap anak-anak sekalian jangan bermain di sini, sebaliknya sila bermain di padang
A B C
kerana kawasan ini berbahaya. Tiada kesalahan.
D
- 13 Pemandangan di Pulau Sipadan sungguh indah manakala airnya jernih hingga keadaan
A B
dasar lautnya dapat dilihat dengan jelas. Tiada kesalahan.
C D
- 14 Tindakan syarikatnya mengeluarkan sejumlah wang yang banyak untuk melabur dalam
A
skim internet tidak dipersetujui oleh Encik Aidil sejak dari awal lagi.
B C
Tiada kesalahan.
D

Soalan 15 - 17

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 15**

 - I Walaupun isteri Akmal sudah *sarat* mengandung, tetapi masih berupaya melakukan kerja-kerja rumah.
 - II Dadanya *sarat* dengan harapan untuk membaiki kehidupan keluarganya yang miskin.
 - III Badan pengantin perempuan itu *sarat* dengan pelbagai perhiasan yang berharga.
 - IV Atif Zakwan didenda oleh Cikgu Salina kerana tidak *sarat* menjalankan tugas.

A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D I, III dan IV sahaja

16

 - I Kami berasa lega apabila dapat *melurutkan* kaki di dalam khemah selepas berkawal sepanjang hari.
 - II Fawwaz Amir *melurutkan* padi daripada tangkainya untuk dimasukkan ke dalam bekas.
 - III Zafri Aiman terpaksa *melurutkan* kertas yang telah direnyuk itu untuk membaca catatan di dalamnya.
 - IV Sebelum mandi di air terjun, gadis itu *melurutkan* cincin di jari manisnya.

A I, II dan III sahaja
B I, II dan IV sahaja
C I, III dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja

17

 - I Syukri tidak boleh masuk ke dalam rumah kerana pintu itu *buntu*.
 - II Setelah *buntu* memikirkan masalah yang dihadapi, kami sepakat untuk meminta pendapat guru.
 - III Jawapan yang diberikan oleh Anati *buntu* daripada kehendak soalan.
 - IV Syasya Alina dibawa ke klinik kerana sejak pagi perutnya *buntu*.

A I dan II sahaja **C** I, III dan IV sahaja
B II dan III sahaja **D** II, III dan IV sahaja

Soalan 18 - 21

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu **mengandungi kesalahan** dan tandakan D jika tiada kesalahan.

18 Pada hari Sabtu ini kami akan bersihkan kawasan sekolah.

- A akan dibersihkan oleh kami
- B akan kami bersihkan
- C kami membersih akan
- D kami akan bersihkan

19 Tiang bangku di tengah taman itu diperbuat daripada besi yang bertahankan karat.

- A dari besi yang tahan karat
- B dari besi yang tahan akan karat
- C daripada besi yang tahan karat
- D daripada besi yang bertahankan karat

20 Persatuan Ahli Anak-anak Peneroka menubuhkan koperasi di setiap cawangan.

- A Ahli Persatuan Anak-anak Peneroka
- B Ahli-ahli Persatuan Anak-anak Peneroka
- C Ahli Anak-anak Persatuan Peneroka
- D Persatuan Ahli Anak-anak Peneroka

21 Jangan sekali meninggikan suara bila bercakap dengan ibu bapa.

- A Jangan sekali meninggikan suara apabila
- B Jangan sekali-kali meninggikan suara apabila
- C Jangan sekali-sekali meninggikan suara bila
- D Jangan sekali meninggikan suara bila

Soalan 22 - 24

Pilih ayat-ayat yang mempunyai maksud yang **sama** atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

22. “Zanariah, jangan buang makanan itu, membazir,” kata Sarimah.

- A Sarimah memberitahu Zanariah supaya tidak membuang makanan itu kerana perbuatan itu membazir.
- B Sarimah berkata kepada Zanariah supaya membuang makanan kerana membazir.
- C Sarimah berkata kepada Zanariah jangan membazirkan makanan itu dan membiarkannya dibuang.
- D Sarimah mengarahkan Zanariah supaya membuang makanan secara membazir.

23 Beberapa langkah telah diumumkan oleh Kementerian Pelajaran untuk memperkasakan pembangunan sukan di sekolah.

- A Pembangunan sukan di sekolah akan diperkasakan oleh Kementerian Pelajaran yang sedang mencari langkah yang sesuai.
- B Untuk memperkuuh pembangunan sukan di sekolah, pihak Kementerian Pelajaran telah mengambil beberapa langkah untuk dijalankan.
- C Pengumuman tentang rancangan untuk pembangunan sukan di sekolah telah dibuat oleh Kementerian Pelajaran.
- D Kementerian Pelajaran telah mengumumkan beberapa langkah untuk memperkasakan pembangunan sukan di sekolah.

24 Pelajar yang bijak itu mengambil masa yang singkat untuk memahami pelajaran yang diajar oleh gurunya.

- A Pelajar pintar itu mudah difahami oleh gurunya yang mengajar dalam tempoh masa yang singkat.
- B Pelajar yang lemah itu mengambil masa yang lama untuk memahami pelajaran yang disampaikan oleh gurunya.
- C Pelajar yang pintar itu tidak mengambil masa yang lama untuk memahami pelajaran yang disampaikan oleh gurunya.
- D Pelajar yang pandai itu mengambil masa yang lama untuk memahami pelajaran yang disampaikan oleh gurunya.

Soalan 25 - 27

Pilih ayat-ayat yang **betul**.

25 I “Mana pandangan anda tentang isu kenaikan harga petrol?” tanya pemberita itu.

II “Kenapakah awak tidak memberitahu saya hal itu?” keluh Encik Mustafa.

III “Sila jangan buat bising di sini,” tegur pengawas perpustakaan itu.

IV “Alahai, lambat betul bas datang!” rungut Anuar.

A I dan III sahaja

B II dan IV sahaja

C I, II dan III sahaja

D II, III dan IV sahaja

26 I Agama Islam telah bertapak di China lebih kurang 1400 tahun yang lampau dulu.

II Unta memiliki bibir yang sangat kuat yang membolehkannya memakan makanan berduri.

III Perwatakan seseorang pergantung kepada jenis pendedahan yang mereka terima sama ada berunsur positif atau negatif.

IV Syed Muhammad Naquib al-Attas amat berjasa dalam memperjuangkan peranan bahasa Melayu di Malaysia.

A I dan II sahaja

B II dan III sahaja

C II dan IV sahaja

D III dan IV sahaja

- 27 I Benarkah sesetengah amalan masyarakat tradisional itu tidak sesuai dengan masyarakat sekarang?
- II Berpuluhan ekor lembu di ladang ternakan itu akan dieksport ke luar negara.
- III Masyarakat dari semasa ke semasa menunggu laporan tentang pencarian kanak-kanak yang hilang itu..
- IV Emak menjahitkan adik baju baharu untuk dipakai pada hari raya nanti.
- A I dan II sahaja
- B I dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, III dan IV sahaja

Soalan 28 - 30

Pilih peribahasa atau maksud peribahasa yang paling sesuai.

- 28 Sikap Cik Suraya Murai yang _____ menyebabkan rakan sekerjanya berasa tidak selesa semasa bercakap dengannya.
- A cakap lepas
B duri berbisa
C adu domba
D mulut tempayan
- 29 Masyarakat yang hidup bersatu padu akan membentuk kehidupan yang lebih aman dan sejahtera tetapi jika sebaliknya berlaku, masyarakat akan berpecah belah.
Peribahasa yang berikut berkaitan dengan situasi di atas **kecuali**
- A bukit sama didaki, lurah sama dituruni
B bagai isi dengan kuku
C bersatu teguh bercerai roboh
D bagai aur dengan tebing

30

Bagai tikus membaiki labu

Peribahasa di atas menasihati kita supaya tidak

- A bersikap memandai-mandai jika tidak tahu akan sesuatu.
B mencuba membuat sesuatu yang tidak memalukan.
C menyembunyikan kebolehan yang dimiliki.
D mengambil tahu tentang hal orang lain.

Soalan 31 - 35

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Maka putera adinda baginda yang bernama Bujang Selamat itu, maka baginda kedua laki isterinya memeliharkan, sampai umurnya dua belas tahun diserahkan baginda mengaji al-Qur'an serta pula:

Nahu dengan mantik,

Lafaz dengan makna.

Setelah khatamlah sekaliannya serta diajar oleh kadi, ilmu dunia didapatinya. Hatta, selang antara tiada berapa lamanya Tuan Puteri Nur Lela pun hamillah pula; telah sampai bulannya dua belas bulan:

Selama enggang mengeram,

Selangkas betik berbuah,

Hari cukup bilangan genap,

Ahad bertimpas dengan Senin,

Pada dua belas hari bulan,

Dua belas tapak bayang-bayang.

Maka geringlah Tuan Puteri Nur Lela hendak bersalin. Maka baginda pun sangatlah keluh kesah seraya bertitah menyuruh panggil bidan yang ketujuh. Maka biduanda pun pergilah ke rumah bidan itu dan memberitahu kepada sekalian orang-orang besar sekaliannya.

(Dipetik daripada prosa tradisional, "Putera Besar Lahir ke Dunia",
antologi *Seuntai Kata untuk Dirasa*, Tingkatan 2,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

31 Apakah keajaiban yang berlaku dalam cerita *Putera Besar Lahir ke Dunia*?

- A** Perkahwinan raja yang berlangsung di kayangan
- B** Putera Besar lahir dalam keadaan yang gelap
- C** Puteri hamil selama 12 bulan
- D** Bidan tujuh yang membidani Puteri Nur Lela berasal dari kayangan

32 Siapakah Bujang Selamat?

- A Anak saudara baginda yang dipelihara
- B Anak kandung baginda sultan
- C Adik permaisuri sultan
- D Adik baginda sultan

33 Yang manakah bukan gaya bahasa istana?

- A gering
- B kadi
- C bertitah
- D biduanda

34 Berikut merupakan perwatakan baginda Sultan **kecuali**

- A penyayang
- B bertanggungjawab
- C belas kasihan
- D adil

35 Tema cerita ini ialah

- A kesukaran seseorang ibu melahirkan anak
- B keajaiban dan kebesaran golongan raja
- C kehebatan dan keagungan golongan raja
- D masyarakat yang hidup tolong-menolong

Soalan 36 - 40

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya. Pilih jawapan yang paling sesuai.

Seuntai Kata untuk Dirasa

Panas usah membakar dada
suara usah menggegar sahaja
kalau benar membawa cita
di dalam senyap kumpulkan tenaga.

Ayam bertelur sekampung tahu
mengapa mesti kita begitu?
Falsafah ubi diam berisi
mengapa tidak kita turuti?

Sekarang kita singkirkan semua bicara
sekarang kumpulkan tenaga raksasa
tiba saat berbunga merah
serentak mara kita bersama.

A. SAMAD SAID

(Dipetik daripada antologi *Seuntai Kata untuk Dirasa*,
Tingkatan 2, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- 36** Berdasarkan rangkap pertama sajak ini, apakah yang perlu dilakukan oleh orang yang mempunyai cita-cita?
- A** jangan bercakap bohong
 - B** jangan membuang masa
 - C** bertekad untuk mencapai cita-cita tersebut
 - D** bertekad untuk berjuang

37 Apakah tabiat negatif ayam yang tidak sepatutnya dicontohi oleh pembaca?

- A** malas berusaha
- B** suka berbuat bising
- C** sukar menerima kritikan
- D** menghebohkan sesuatu hasil yang sedikit

38

.....kumpulkan tenaga raksasa

Unsur keindahan bahasa yang terdapat pada baris frasa tersebut ialah

- A** simile.
- B** sinkof.
- C** hiperbola.
- D** personifikasi.

39 Pengajaran yang dapat dijadikan panduan dalam sajak ini ialah

- A** kita haruslah selalu berdiam diri.
- B** kita perlulah rajin bercucuk tanam.
- C** kita haruslah mencipta falsafah hidup sendiri.
- D** kita haruslah bersatu padu untuk mencapai kejayaan.

40 Pilih nilai yang tidak terdapat dalam sajak ini.

- A** kejujuran
- B** bekerjasama
- C** rajin berusaha
- D** bercita-cita tinggi

KERTAS SOALAN TAMAT



BAHAGIAN PENGURUSAN

SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN

PENILAIAN MENENGAH RENDAH 2011

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan:

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat bahagian. Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D.*
 2. *Bahagian A terdiri daripada dua bahagian: Bahagian A(i) dan Bahagian A(ii). Anda dikehendaki supaya menjawab kedua-dua bahagian tersebut. Bahagian B dan Bahagian D juga mesti dijawab. Manakala Bahagian C mempunyai lima pilihan soalan dan anda diminta supaya menjawab satu soalan sahaja.*
 3. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 40 minit untuk menjawab Bahagian A, 25 minit untuk Bahagian B, 45 minit untuk Bahagian C dan 10 minit untuk Bahagian D.*
 4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
-

Kertas soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak.

Bahagian A(i) : Ringkasan

[20 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang kelebihan minyak alternatif kepada pemilik kenderaan pada masa hadapan. Panjang ringkasan anda hendaklah tidak melebihi 80 patah perkataan. Anda digalakkan menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud ayat asal petikan.

Apabila harga minyak semakin meningkat, usaha dilakukan untuk mencari alternatif bagi menggantikan penggunaan bahan bakar itu. Tidak mustahil bahawa dalam tempoh beberapa tahun lagi apabila harga minyak terus meningkat, rakyat negara ini akan menggunakan minyak masak yang diproses daripada kelapa sawit, kelapa, jagung, dan kacang soya sebagai pengganti diesel.

Sumber alternatif itu bukan sahaja mudah diperoleh malah mesra alam kerana boleh membantu memulihara alam sekitar daripada terus tercemar. Universiti Sains Malaysia (USM) menerusi Pusat Pendidikan Latihan dan Tenaga Dibaharu dan Kecekapan Tenaga (Cetree) sudah menjalankan kajian tentang penggunaan minyak masak ini. Kajian ini menunjukkan bahawa sebuah van yang menggunakan satu liter minyak sawit boleh bergerak dalam jarak 10 hingga 12 kilometer. Kajian ini juga membuktikan bahawa penggunaan sumber tumbuhan, terutama daripada kelapa sawit boleh mengurangkan kebergantungan negara pada sumber minyak yang kini semakin berkurang.

Pengarah Cetree, Profesor Dr. Kamarulazizi Ibrahim berkata, menurut hasil penyelidikan terhadap sumber tumbuhan kelapa sawit sejak 2002, didapati bahawa minyak tumbuhan itu mampu menjadi bahan bakar bukan sahaja bagi kenderaan ringan, malah kenderaan berat termasuk traktor, bas, lori, dan bot. Selain itu, penggunaan sebuah Van Tenaga Cetree yang menggunakan minyak kelapa sawit yang digunakan untuk memasak juga mendapat enjin kenderaan itu masih berada dalam keadaan yang baik walaupun sudah digunakan sejak empat tahun lalu. Apa yang menarik, minyak kelapa sawit ini banyak mempunyai kelebihan berbanding dengan bahan bakar yang menggunakan sumber fosil kerana bahan tersebut tidak meruap, senang disimpan, dan tidak berjelaga.

Penggantian diesel kepada minyak kelapa sawit secara sepenuhnya amat sesuai kerana negara ini merupakan pengeluar utama komoditi minyak kelapa sawit dunia, selain mempunyai tenaga pakar yang cukup untuk membangunkan produk baharu itu. Kita mudah menggunakan minyak alternatif ini lantaran kita boleh membelinya di pasar raya atau di kedai runcit dan membawanya ke mana-mana sahaja mengikut keperluan semasa.

Dr. Kamarulazizi yakin bahawa dalam masa lima tahun akan datang, rakyat akan memberikan perhatian kepada potensi minyak sayuran sebagai bahan bakar kenderaan berikutan kenaikan harga bahan petroleum secara berterusan. Beliau juga optimis bahawa minyak kelapa sawit amat baik digunakan kerana dijamin mesra alam dengan pelepasan asapnya yang tidak mengeluarkan karbon yang mencemarkan alam bahkan berbau wangi seperti pisang goreng panas.

Ujian yang dijalankan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pulau Pinang mendapati asap yang dikeluarkan selamat dihidu dengan kandungan karbon monoksida dan hidrokarbon yang rendah, masing-masing 0.05 peratus dan 17 ppm (bahagian per sejuta).

(Dipetik dan diubahsuai daripada ‘Minyak Masak Gerakkan Kereta’ oleh Faiza Zainuddin, Berita Minggu, 30 April 2006)

Bahagian A (ii) : Pemahaman

[10 markah]

Berdasarkan petikan Bahagian A (i), jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

1. Apakah maksud rangkai kata *sumber alternatif*?
[2 markah]
2. Mengapa kenderaan di negara kita sesuai menggunakan minyak kelapa sawit bagi menggantikan petroleum?
[4 markah]
3. Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang boleh dilakukan agar pemilik-pemilik kenderaan menggunakan minyak alternatif berbanding petrol?
[4 markah]

Bahagian B

[20 markah]

Jadual di bawah menunjukkan statistik kes salah laku remaja di Lembah Klang. Huraikan pendapat anda tentang **punca-punca wujudnya masalah sosial dalam kalangan remaja**. Panjangnya huraian anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

STATISTIK KES SALAH LAKU REMAJA DI LEMBAH KLANG 2010

| Kes | Remaja Bersekolah | Remaja Tidak Bersekolah |
|-----------------------|-------------------|-------------------------|
| Melepak | 115 | 205 |
| Mencuri di pasar raya | 20 | 35 |
| Lumba haram | 5 | 45 |
| Pecah rumah | 2 | 5 |
| Vandalisme | 15 | 21 |
| Pornografi | 7 | 12 |
| Gangsterisme | 14 | 25 |
| Ketagihan dadah | 4 | 7 |

Bahagian C

[40 markah]

Pilih satu daripada soalan di bawah. Tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 180 patah perkataan.

- 1 Anda berhasrat untuk menulis suatu rencana berkaitan peranan remaja sebagai anggota masyarakat dalam menjaga kemudahan awam. Anda bercadang untuk menghantar rencana tersebut kepada sebuah syarikat akhbar untuk disiarkan.

Tulis rencana tersebut selengkapnya.

- 2 Rakan anda menghadapi masalah untuk mengikuti pelajaran di sekolah. Anda telah menasihatinya supaya mengikuti kelas tuisyen.

Tuliskan surat anda kepada rakan anda itu selengkapnya.

3. Melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), kerjasama dapat dijalankan demi meningkatkan mutu pendidikan.

Bincangkan langkah-langkah yang boleh dijalankan oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) bagi meningkatkan mutu kecemerlangan sekolah.

4. Anda terpilih untuk menyertai suatu pertandingan perbahasan. Selaku pencadang, anda diminta membahaskan tajuk, ‘Sektor Pertanian Mampu Meningkatkan Ekonomi Negara’.

Tulis hujah-hujah anda selengkapnya.

- 5 Peribahasa ‘sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan’ menggambarkan keadaan seseorang yang perlu menginsafi diri sekiranya telah melakukan kesalahan atau dosa.

Tulis sebuah cerita yang menarik berkaitan peribahasa ini.

Bahagian D

[10 markah]

Jawapan mestilah berdasarkan ketiga-tiga novel yang telah anda kaji di Tingkatan 1, Tingkatan 2, dan Tingkatan 3 seperti berikut:

- (i) *Meniti Kaca*, karya R. Sabarudin Abdullah
- (ii) *Anak Din Biola*, karya Maaruf Mahmud
- (iii) *Aku Anak Timur*, karya Siti Aminah Hj. Yusuf
- (iv) *Limpahan Darah Di Sungai Semur*, karya Zakaria Salleh
- (v) *Pahlawan Pasir Salak*, karya Mohd Ismail Sarbini
- (vi) *Tragedi Empat Disember*, karya Dzul Karnain Ithnain
- (vii) *Timulak Kapal Perang*, karya Azmah Nordin
- (viii) *Kapten Hassan Wira Bangsa*, karya Harun Johari
- (ix) *Panas Salju*, karya Talib Samat
- (x) *Merdeka! Merdeka!*, karya A. Rahman Hanafiah
- (xi) *Ekspedisi*, karya Mohd Ghazali Tocheh
- (xii) *Kanang Cerita Seorang Pahlawan*, karya Maznan Nordin

Perkembangan merupakan salah satu daripada binaan plot dalam sesebuah karya sastera. Nyatakan **satu** peristiwa yang terdapat dalam bahagian perkembangan plot **ketiga-tiga novel** yang telah anda kaji.

- KERTAS SOALAN TAMAT -

SULIT
Bahasa
Melayu
Ogos
2011

PP



BAHAGIAN PENGURUSAN

SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN

PENILAIAN MENENGAH RENDAH 2011

BAHASA MELAYU

Kertas 1 dan Kertas 2

PERATURAN PEMARKAHAN

Panduan pemarkahan ini mengandungi 13 halaman bercetak.

PEPERIKSAAN PERCUBAAN PMR SELARAS SBP 2011**Skema Jawapan Kertas 1 02/1**

| | | | |
|----|----------|----|----------|
| 1 | A | 21 | B |
| 2 | B | 22 | A |
| 3 | D | 23 | D |
| 4 | B | 24 | C |
| 5 | C | 25 | B |
| 6 | D | 26 | C |
| 7 | B | 27 | D |
| 8 | A | 28 | A |
| 9 | C | 29 | B |
| 10 | D | 30 | A |
| 11 | B | 31 | C |
| 12 | A | 32 | A |
| 13 | D | 33 | B |
| 14 | C | 34 | D |
| 15 | C | 35 | B |
| 16 | D | 36 | C |
| 17 | A | 37 | D |
| 18 | B | 38 | C |
| 19 | C | 39 | D |
| 20 | A | 40 | A |

KERTAS 2**BAHAGIAN A (i) - RINGKASAN**

1. Mudah diperoleh serta mesra alam (2m)
2. Mengurangkan kebergantungan negara pada sumber minyak yang semakin berkurangan (2m)
3. Mampu menjadi bahan bakar bagi kenderaan berat dan ringan (2m)
4. Enjin kenderaan akan berada dalam keadaan baik walaupun telah lama digunakan (2m)
5. Tidak meruap, senang disimpan, tidak berjelaga (2m)
6. Mudah untuk menggunakannya (2m)
7. Mudah membawanya ke mana-mana (2m)
8. Pelepasan asapnya tidak mengeluarkan karbon yang mencemari alam (2m)
9. Asap yang dikeluarkan selamat untuk dihidu (2m)

Markah bahasa (10 M)

| | | |
|--------------------|---------|--|
| Cemerlang | 09 - 10 | Bahasa baik dan lancar Berupaya menggunakan ayat sendiri :Pemilihan kata yang tepat, ayat gramatis :Penanda wacana yang sesuai Ejaan dan tanda baca yang betul |
| Baik | 06 - 08 | Bahasa baik dan lancar Masih berupaya menggunakan ayat sendiri :Pemilihan kata yang agak terhad :ayat yang masih gramatis :penanda wacana masih sesuai Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang minimum |
| Memuaskan | 03 - 05 | Bahasa kurang lancar Terdapat kesalahan yang ketara dalam ayat, ejaan dan tanda baca Menyalin ayat daripada petikan asal secara terpilih |
| Penguasaan Minimum | 01-02 | Penguasaan bahasa yang lemah Menyalin secara terus daripada petikan |

Markah Isi

| Bilangan isi | Markah |
|--------------|--------|
| 5 | 9-10 |
| 4 | 7-8 |
| 3 | 5-6 |
| 2 | 3-4 |
| 1 | 1-2 |

Menulis markah

| | | | |
|---|--|---|--|
| i) I - 10 B - 10 ---- 20 ---- | ii) I- 09 terdapat isi yang tidak lengkap B- 08 ----- 17 ----- | iii) I- 10 B- 05 menyalin ----- terpilih 15 ----- | iv) I- 8 tolak 50% - 04 B- - 02 ----- 06 ----- |
| Menyalin petikan | | | |

BAHAGIAN A(ii) - PEMAHAMAN

Soalan 1: Maksud rangkai kata

| | |
|-----|---|
| 2 m | Maksud tepat mengikut konteks da ayat gramatis |
| 1 m | Maksud tepat mengikut konteks tetapi ayat tidak lengkap Maksud kurang tepat mengikut konteks/isi tersurat sahaja Hanya memberikan sebahagian daripada maksud rangkai kata |
| 0 m | Maksud tidak tepat mengikut konteks |

Soalan 2 (4m)

| | |
|-----|---|
| 4 m | -Isi dinyatakan dengan cukup serta lengkap dan ayat gramatis |
| 3 m | -Isi cukup serta lengkap mengikut tugas tetapi ayat kurang gramatis |
| 2 m | -isi tidak cukup dan kurang lengkap mengikut tugas tetapi ayat gramatis |
| 1 m | -Isi tidak cukup dan kurang lengkap mengikut tugas dan ayat kurang gramatis |
| 0 m | -Isi tidak mengikut tugas tetapi ayat gramatis -Isi tidak mengikut tugas dan ayat tidak gramatis |

Soalan 3 : (4m)

| | |
|-----|---|
| 4 m | -Isi relevan mengikut tugas dan ayat gramatis |
| 3 m | -Isi relevan mengikut tugas tetapi ayat kurang gramatis |
| 2 m | -Isi kurang relevan mengikut tugas tetapi ayat gramatis |
| 1 m | -Isi kurang relevan mengikut tugas dan ayat kurang gramatis |

1. Maksud rangkai kata :

| | | |
|------------|---------------------|------------|
| sumber | = punca, asal, mula | [2 markah] |
| alternatif | = pilihan | |

2. Sebab kenderaan kita sesuai menggunakan minyak kelapa sawit :
 - Kenderaan di negara kita sesuai menggunakan minyak kelapa sawit bagi menggantikan pertroleum kerana negara kita merupakan pengeluar utama minyak sawit dunia
 - negara kita juga mempunyai tenaga pakar yang cukup untuk membangunkan produk tersebut[4 markah]

2. Langkah-langkah yang dilakukan agar pemilik kenderaan menggunakan minyak alternatif:
 - Mengadakan kempen menggalakkan penggunaan minyak alternatif (2m)
 - Mengadakan promosi seperti diskaun atau potongan harga istimewa (2m)
 - Mengiktiraf stesen minyak yang menjual minyak alternatif terbanyak (2m)
 - Kerajaan memberikan subsidi kepada pengusaha minyak alternatif (2m)
 - Isi-isi lain yang relevan diterima[4 markah]

BAHAGIAN B - KARANGAN BAHAN RANGSANGAN

Kriteria Penskoran

| | | |
|-----------|-------------------------------------|--|
| Cemerlang | 16-20 (18-20) (16-17) | <ul style="list-style-type: none"> - Ayat yang gramatis - Kata dan kosa kata luas dan tepat - Kesalahan penggunaan kata yang minimum - Ejaan dan tanda baca yang betul - Idea yang relevan berdasarkan tugas - Huraian idea luaran seperti pendapat, ulasan - Cadangan dan kesimpulan sesuai dan berkembang - Pengolahan yang menarik dan berkesan |
| Baik | 11-15 (13-15) (11-12) | <ul style="list-style-type: none"> - Ayat masih gramatis - kata dan kosa kata masih luas dan tepat - Kesalahan penggunaan kata yang minimum - Kesalahan ejaan dan tanda baca yang minimum - Idea yang kurang relevan berdasarkan tugas - Huraian idea luaran seperti pendapat, ulasan, cadangan dan kesimpulan masih sesuai tetapi kurang dikembangkan - Pengolahan masih menarik |
| Memuaskan | 06-10 (08-10) (06-07) | <ul style="list-style-type: none"> - Ayat kurang gramatis - Kata dan kosa kata yang terhad - Kesalahan penggunaan kata yang ketara - Kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara - Idea yang relevan berdasarkan tugas - Huraian idea luaran seperti pendapat, ulasan, cadangan dan |

| | | |
|--------------------|-------|---|
| | | kesimpulan yang terhad. - Pengolahan tidak menarik |
| Penguasaan minimum | 01-05 | - Keseluruhan jawapan calon menggambarkan penguasaan bahasa yang tidak cekap - Idea kabur/tidak berkaitan dengan tugas |

Cadangan Isi

Pendahuluan

Masalah sosial dalam kalangan remaja hari ini semakin meningkat. Antara masalah sosial yang biasanya berlaku ialah melepak,mencuri, masalah ketagihan dadah dan sebagainya.

Isi-isi

Punca-punca wujudnya masalah sosial dalam kalangan remaja :

1. Tekanan emosi
 2. Pengaruh rakan sebaya
 3. Pengaruh media massa
 4. Kurang perhatian daripada ibu bapa
 5. Kurang pendidikan agama dan moral
- Isi-isi lain yang relevan diterima.

Penutup

Semua pihak perlulah berganding bahu bagi membendung masalah sosial ini agar remaja hari ini menjadi insan yang berguna untuk agama, bangsa dan negara.

BAHAGIAN C - KARANGAN RESPON TERBUKA

SKEMA PENSKORAN BAHAGIAN C

| Peringkat dan Markah | Bahasa | Idea | Pengolahan |
|---|---|---|--|
| Cemerlang 33-40 (37-40) (33-36) | <ul style="list-style-type: none"> - Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat - Penggunaan pelbagai jenis ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum - Penggunaan penanda wacana yang betul dan tepat - Penggunaan kosa kata luas dan tepat | <ul style="list-style-type: none"> - Idea yang relevan dengan huraian yang jelas berserta dengan contoh-contoh sesuai. | <ul style="list-style-type: none"> - Pengolahan menarik dan berkesan dengan pemerengganan yang sesuai dan format menepati kehendak tugas. - Penggunaan ungkapan yang mudah seperti peribahasa ,pantun,cogan kata dan frasa yang menarik. |

| | | | |
|---|---|--|---|
| Kepujian 25-32 (29-32) (25-28) | <ul style="list-style-type: none"> - Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat - Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum - Penggunaan penanda wacana yang sesuai pada keseluruhannya - Ejaan dan tanda baca yang betul - Penggunaan kosa kata yang luas | <ul style="list-style-type: none"> - Idea yang relevan dengan huraian yang jelas berserta dengan contoh | <ul style="list-style-type: none"> - Pengolahan menarik dengan pemerengganan yang sesuai dan format yang menepati kehendak tugasan - Penggunaan ungkapan yang mudah seperti peribahasa, pantun,cogan kata dan frasa yang menarik. |
| Baik 17-25 (21-24) (17-20) | <ul style="list-style-type: none"> - Penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai - Penggunaan ayat majmuk gabungan yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum - Penggunaan kosa kata umum tetapi terdapat kesalahan yang minimum | <ul style="list-style-type: none"> - Idea masih relevan dengan huraian yang masih jelas | <ul style="list-style-type: none"> - Pengolahan masih menarik dengan pemerengganan dan format yang masih sesuai mengikut tugasan. |
| Memuaskan 09-16 (13-16) (09-12) | <ul style="list-style-type: none"> - Penggunaan pelbagai jenis kata yang terhad - Penggunaan ayat yang mudah tetapi terdapat kesalahan yang minimum - Penggunaan penanda wacana yang kurang tepat - Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara | <ul style="list-style-type: none"> - Idea masih relevan/ idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas | <ul style="list-style-type: none"> - Pengolahan kurang menarik dengan pemeengganan yang kurang sesuai dan format yang kurang tepat. - Format bercampur aduk. |
| Penguasaan Minimum (05-08) (01-04) | <p>- Keseluruhan jawapan calon menggambarkan penguasaan bahasa yang tidak cekap</p> | | |

CADANGAN JAWAPAN**Soalan 1****Format : Rencana****Pendahuluan**

Tajuk dan nama penulis - remaja merupakan golongan yang berusia antara 13 hingga 21 tahun - lazimnya, remajalah yang sering dikaitkan dengan gejala vandalisme.

Isi-isi cadangan

- bertindak sebagai mata dan telinga kerajaan
Membuat laporan kepada pihak berwajib sekiranya terlihat kemudahan awam yang dirosakkan
- menggunakan dan menjaga kemudahan awam seperti menjaga harta benda sendiri
Menggunakan kemudahan awam dengan sebaik-baiknya
Menunjukkan teladan kepada orang lain
- berperanan sebagai penasihat kepada rakan-rakan
Mengajak dan menasihati sahabat handai agar menggunakan kemudahan awam dengan cara yang betul
- mengelakkan perlakuan vandalisme terhadap kemudahan awam
Remaja yang baik tidak akan melakukan sebarang contengan atau tingkah laku musnah pada kemudahan awam
- menjadi pengguna yang memiliki sifat tolak ansur terhadap pengguna lain
Remaja mudah hilang sabar apabila wujud suasana tiada tolak ansur
Kecenderungan melepaskan geram terhadap kemudahan awam haruslah dielakkan

Penutup

Kemudahan awam ialah milik bersama

menjaga imej remaja

Membuktikan bahawa kerosakan kemudahan awam selama ini bukanlah majoritinya dilakukan oleh remaja

Soalan 2**Format : Surat kiriman tidak rasmi****Pendahuluan**

Kata-kata penghadapan surat, bertanya khabar

Isi-isi

1. Kelas tuisyen dapat membantu mengikuti pelajaran yang tertinggal
2. Dapat bertanya guru tuisyen tentang isi pelajaran dengan lebih mendalam
3. Dapat mengisi masa terluang untuk melengkapkan bahagian-bahagian pelajaran yang tertinggal
4. Waktu kelas tuisyen lebih fleksibel

5. Kelas tuisyen memantapkan topik yang telah dipelajari
6. Suasana pembelajaran yang berbeza dan menyeronokkan
7. Isi-isi lain yang relevan diterima

Penutup

Harapan agar rakan dapat mengikuti pelajaran dengan sempurna dan cemerlang dalam pelajaran.

Soalan 3**Format : Tiada****Pendahuluan**

Bersetuju dengan pernyataan tersebut

Ibu bapa dan guru-guru boleh bekerjasama dan memudahkan sekolah meningkatkan mutu pendidikan anak-anak dengan mengadakan pelbagai program

Isi-isi cadangan

- mengadakan program ke arah peningkatan kecemerlangan pelajar PMR dan SPM
- mengadakan program bercorak motivasi
- sikap terbuka dan konsep perbincangan antara ibu bapa dan guru dapat mengurangkan masalah disiplin
- sumbangan dalam bentuk material dan idea
- menyumbang kepakaran dalam bidang-bidang tertentu

Penutup

PIBG merupakan persatuan penting yang dapat melahirkan budaya sekolah yang sihat
Budaya sekolah sihat akan meningkatkan mutu pendidikan

Soalan 4**Format : Perbahasan****Pendahuluan**

Kata alu-aluan - tajuk perbahasan

Sektor pertanian mampu meningkatkan ekonomi negara

Isi-isi cadangan

- takrifan tajuk
- maksud pertanian
- maksud ekonomi negara
- pertanian penggerak kegiatan ekonomi yang lain
- perkilangan dan pengangkutan dapat dimajukan
- pertanian bukan hanya untuk sara diri
- membuka peluang pekerjaan
- pelbagai tanaman dapat hidup dengan subur

- dapat dieksport
- meningkatkan ekonomi negara

Penutup

Menegaskan pendirian
Berpegang teguh pada tajuk
Hujah akan diteruskan oleh rakan-rakan

***Kemungkinan calon akan memberikan satu isi yang dihuraikan dengan baik (ala parlimen)**

Markah maksimum = Baik (Atas)

Soalan 5**Format : Tiada**

Diharapkan calon dapat menulis sebuah cerita tentang seseorang yang pernah melakukan kesalahan dalam hidupnya dan akhirnya dia menyesali perbuatannya dan menginsafi diri.

BAHAGIAN D - KAJIAN NOVEL**10 MARKAH**

Pembahagian Markah

| PERINCIAN | MARKAH |
|-----------|----------|
| Isi | 6 markah |
| Bahasa | 4 markah |

Kriteria Markah Bahasa

| Peringkat | Markah | Deskripsi |
|-----------|--------|---|
| Cemerlang | 04 | <ul style="list-style-type: none">• Bahasa baik dan lancar• Ayat gramatis• Ejaan dan tanda baca yang betul |
| Baik | 02-03 | <ul style="list-style-type: none">• Bahasa masih baik dan masih lancar• Penggunaan ayat masih gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum• Kesalahan ejaan dan tanda bacaan minimum |
| Memuaskan | 01 | <ul style="list-style-type: none">• Bahasa tidak cekap• Ayat tidak gramatis• Kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara |

* Terima mana-mana peristiwa yang terdapat dalam bahagian perkembangan plot novel.

Isi-isi cadangan :**NOVEL TINGKATAN 1****Meniti Kaca**

Cerita berkembang apabila Pak Sahar mengambil tindakan menghantar Mahyun ke Hospital Bahagia Tanjung Rambutan bagi mengubati penyakit Mahyun. Penyakit Mahyun tidak juga sembuh dan dia dibawa pulang ke rumah.

Aku Anak Timur

Dalam novel ini, Zarina dan keluarganya telah berkenalan dengan pemuda Belanda yang bernama Niek Van Hoeve. Niek telah mempelawa Zarina untuk bersiar-siar. Niek memberitahu Zarina bahawa gadis-gadis di Belanda bebas memilih pasangannya sendiri. Mereka bebas sepenuhnya apabila telah berumur 21 tahun. Persahabatan antara Zarina dengan Niek telah menjadi semakin intim. Persahabatan ini telah menimbulkan keimbangan ibu dan ayah Zarina kerana perbezaan mereka dari segi agama dan kebudayaan antara Timur dan Barat. Namun Zarina tidak mahu mendengar nasihat ibu bapanya. Zarina hampir jatuh hati dengan Niek.

Anak Din Biola

Pak Mat Tukang Masak mengugut Budiman supaya menyimpan rahsianya yang memiliki sebuah biola. Pak Mat Tukang Masak juga menuduh Budiman, Chong dan Chandra sebagai pencuri sewaktu mereka bertiga melihatnya sedang menjunjung sebuah kotak besar dari dapur Rumah Bonda.

Limpahan Darah di Sungai Semur

Ketika menuju ke Sungai Semur, Koperal Jamaluddin bersama-sama ketua Platur 12 dari Kompeni D, iaitu Leftenan Hassan, dan 26 anggotanya diserang hendap oleh pengganas komunis. Koperal Jamaluddin berjuang bermati-matian memimpin pasukan itu setelah Leftenan Hassan terkorban.

NOVEL TINGKATAN 2**Pahlawan Pasir Salak**

Pada bahagian perkembangan, pengarang menceritakan usaha-usaha Inggeris menguasai Pasir Salak. Mereka menghantar wakil menampal surat kenyataan mengutip cukai dan membina pondok mengutip cukai. Kedatangan Residen Birch bersama-sama askar Sipahi juga merupakan konfliknya, tetapi dapat ditangani oleh penduduk Pasir Salak.

Trajedi Empat Disember

Kapal terbang HM 56 telah dirampas oleh sekumpulan lelaki. Kapal terbang itu meletup dan terhempas. Kamarul Azam yang ingin menyiasat perkara itu telah ditangkap oleh penjahat. Mereka diikat dan dihanyutkan ke laut.

Kapten Hassan Wira Bangsa

Isteri dan keluarga Hassan dibunuhi. Hassan diberhentikan dalam perkhidmatan tentera kerana gagal dalam ujian kenaikan pangkat. Permohonannya untuk menyambung perkhidmatannya ditolak oleh pegawai atasan yang berdendam dengannya.

Timulak Kapal Perang

Pengutip cukai tempatan dihalang daripada mengutip cukai di pangkalan. Pak Cik Tidung ditangkap dan dibawa ke Pulau Gaya. Hasil maklumat daripada Andayu, Paduka Mat Salleh dan pasukannya menyerang Pulau Gaya untuk membebaskan Pak Cik Tidung. Kubu Inggeris di pulau itu dibakar sehingga hangus dan kumpulan penjajah di situ berjaya dikalahkan. Inggeris menyerang serta membakar Kampung Inanam dan Mengkabung.

NOVEL TINGKATAN 3**Panas Salju**

Bushrah mengambil keputusan untuk mendermakan sebahagian daripada hatinya kepada Nadhirah. Tindakannya mendapat sokongan dan bantahan daripada pelbagai pihak. Namun begitu, Bushrah tetap dengan keputusannya. Sebelum mereka berangkat ke London, penduduk di Taman Tun Razak (2) telah mengadakan kenduri doa selamat untuk Nadhirah.

Merdeka! Merdeka!

Pak Awang diugut supaya meninggalkan persatuannya. Namun dia berhenti kerja dengan Inggeris. Pak Awang mati dibunuhi oleh penganas komunis ketika mencari Bustam yang diculik oleh penganas komunis.

Ekspedisi

Hadi dan anggota ekspedisi yang lain ternampak sebuah pondok di puncak gunung. Mereka turut melihat sebuah helikopter mendarat bersama-sama dengan tiga orang lelaki yang disyaki sebagai penjenayah. Pak Salleh membuat laporan polis tentang penjenayah yang menjalankan kegiatan jenayah di dalam hutan.

Kanang Cerita Seorang Pahlawan

Kanang berjuang menentang tentera Indonesia sewaktu zaman konfrontasi bersama-sama dengan anggota tentera yang lain. Semasa berlaku beberapa pertempuran dengan pengganas komunis di dalam hutan, dia telah berjaya membunuh beberapa orang pengganas komunis. Selain itu, beberapa orang anggota tentera turut terkorban.

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT